

BOLA SEPAK

Kehangatan Piala Dunia 2014 makin terasa

Piala Dunia bola sepak akan sekali lagi berlangsung pada tahun ini. Brazil yang dipilih selaku tuan rumah membuat persiapan yang agak rapi untuk kejohanan setiap empat tahun itu.

Kehangatan sambutan Piala Dunia bukanlah sesuatu yang baharu, sejak diperkenalkan dan julung kali dianjurkan pada tahun 1930 di Uruguay. Penggemar sukan bola sepak juga semakin bertambah setiap tahun.

Brazil tuan rumah Piala Dunia 2014

Sejak diumumkan selaku tuan rumah, Brazil antara pasukan digeruni. Berada dalam kumpulan A bersama Croatia, Cameroon, dan Mexico, Brazil dijangka tidak bermasalah untuk layak ke peringkat seterusnya dengan mempertaruhkan pemain bintang mereka seperti Neymar (Barcelona), Oscar (Chelsea), Dani Alves (Barcelona), Marcelo (Real Madrid), dan ramai lagi.

Brazil yang pernah menjuarai Piala Dunia sebanyak lima kali (1958, 1962, 1970, 1994, dan kali terakhir 2002) mempunyai banyak pemain berkaliber dan berkualiti. Brazil dilihat mempunyai peluang untuk menjuarai piala yang diimpikan oleh setiap negara apabila beraksi di tempat sendiri.

Ketika kita berbicara mengenai kegemilangan dan sejarah pasukan Brazil, pasukan yang dilihat mampu untuk mengulangi kejayaan menjuarai Piala Dunia 2010 di Afrika Selatan ialah Sepanyol. Sepanyol yang



Warung dan kedai makan menjadi tumpuan peminat bola sepak menyaksikan perlawanan Piala Dunia.

[GAMBAR HIASAN]

mempunyai ramai pemain bintang yang berpangkalan di liga Sepanyol seperti Real Madrid dan Barcelona dilihat antara pasukan yang cukup lengkap untuk mengulangi kejayaan empat tahun dahulu ketika di Afrika Selatan.

Bagi penggemar Liga Perdana Inggeris mengharapkan pasukan kegemaran mereka untuk berjaya merangkul piala yang paling berprestij itu. Pasukan yang di-

gelar 'Three Lions' itu juga mempunyai peluang. England juga mempunyai ramai pemain berkualiti seperti Wayne Rooney (Manchester United), Steven Gerrard (Liverpool), Frank Lampard (Chelsea), Danny Welbeck (Manchester United) dan ramai lagi.

Tidak kurang hebatnya wakil dari Asia iaitu Jepun dan Korea Selatan apabila mempunyai ramai pemain yang berpengalaman

beraksi di liga profesional dan luar negara.

Tonton perlawanan di warung, kedai makan

Sudah menjadi kewajipan kepada peminat bola sepak menyaksikan perlawanan Piala Dunia di warung dan kedai makan. Bagi mereka, adalah suatu kepuasan apabila menyaksikan perlawanan beramai-ramai di kedai dan warung kerana dapat bersorak dan me-

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

bhforum@bh.com.my

raikan pasukan diminati bersama.

Betullah kata orang, sukan menyatupadukan kaum sebab kerana sukan semua kaum boleh duduk semeja untuk menyokong pasukan diminati.

Peminat sanggup berjaga malam saksi perlawanan

Fenomena ini berlarutan apabila peminat bola sepak sanggup berjaga malam semata-mata tidak mahu ketinggalan menyaksikan perlawanan pasukan kegemaran mereka. Sudah menjadi kepastian apabila tiba musim Piala Dunia, peminat bola sepak pastinya tidak akan melepaskan peluang menyaksikan setiap perlawanan piala dunia selain memberikan sokongan padu kepada pasukan kegemaran.

Pada tarikh 12 Jun 2014 sebanyak 32 negara atau pasukan akan berentap di Brazil untuk merebut piala paling berprestij di dalam sukan bola sepak.

Faizal Hussin,
Universiti Sains Islam Malaysia